

Serah Kabinet putus laksana PSP

Kuala Lumpur: "Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Etnik Pengguna menyerahkan keputusan untuk melaksanakan Program Subsidi Petrol (PSP) kepada Kabinet," kata menternya Datuk Seri Saifuddin Naisutison Ismail.

Beliau berkata Kabinet akan membuat keputusan berdasarkan hasil perbincangan mengenai pelan komunikasi antara kementerian dan Kementerian Kewangan.

"Kami menga-

dakan mesyuarat pada minggu pertama Januari dan kami akan sama-sama menyediakan laporan kepada Kabinet. Kabinet akan membuat keputusan.

"Status terkini ialah ditangguhkan, bukan menghentikannya. Kami diberi tanggungjawab untuk membuat pelarasan kecil (ke atas PSP)," katanya di luar Forum Prospek Ekonomi dan Strategik Malaysia 2020 di sini, semalam.

Program PSP bantu 2.9 juta orang dalam kumpulan B40 yang layak mendapat BSH

dilaksanakan pada Januari tahun ini ditangguhkan kepada tarikh baharu yang diumumkan kemudian.

Program itu untuk membantu 2.9 juta orang dalam kumpulan B40 yang layak mendapat Bantuan Sara Hidup (BSH).

Dalam pembentangan Belanjawan 2020 pada 11 Oktober, Menteri Kewangan Lim Guan Eng mengumumkan PSP akan diperluaskan untuk memba-bitkan lima juta golongan berpendapatan sederhana dengan pendapatan isi rumah bulanan kurang daripada RM4,000. - Bernama

PSP yang dija-dualkan